

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 28/03/2020  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
Tajuk : CBP tangguh pembayaran balik pembiayaan semua produk

## CBP tangguh pembayaran balik pembiayaan semua produk



Gambar Facebook CBP

28/03/2020 01:53 PM

KUALA LUMPUR, 28 Mac -- Co-opbank Pertama (CBP) menawarkan moratorium atau penangguhan sementara pembayaran balik pembiayaan secara automatik kepada semua pelanggan Individu untuk semua jenis produk pembiayaan bank itu.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Mohd Nor Abd Razak berkata, pemberian moratorium secara automatik ini diberikan bagi tempoh enam bulan berkuatkuasa pada 1 April 2020 dan hanya terpakai untuk pembiayaan yang tidak bertunggakan melebihi 90 hari pada tarikh berkenaan.

“Namun, sekiranya para pelanggan individu ini memilih untuk tidak menerima tawaran moratorium secara automatik ini, mereka boleh hubungi kami di talian 1-300-88-7650 atau email kepada [moratorium@cbp.com.my](mailto:moratorium@cbp.com.my),” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau menambah, permohonan bagi pelanggan daripada sektor Korporat dan Koperasi pula akan dipertimbangkan oleh CBP berdasarkan merit permohonan.

Butiran lanjut berkenaan moratorium ini boleh dimuatnaik di laman sesawang <http://www.cbp.com.my> dan media sosial CBP.

-- BERNAMA